

UMNO 8 APR 2011  
**Puteri UMNO  
dilarang  
wujud  
kumpulan  
Wanita kedua**

IPOH 7 April — Pergerakan Puteri UMNO diingatkan supaya tidak menarik ahli-ahli dan pada kalangan wanita muda semata-mata hanya untuk mewujudkan sebuah lagi kumpulan Wanita dalam parti itu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha penubuhan Puteri UMNO adalah untuk menambah bilangan ahli dalam parti itu terutama daripada kalangan wanita muda yang berusia bawah 35 tahun.

Oleh itu, jelas beliau, sekiranya ahli-ahli Puteri UMNO terdiri daripada mereka yang telah menganggotai Pergerakan Wanita parti itu, pertambahan ahli tidak akan berlaku.

"Kalau ambil daripada kalangan Wanita UMNO sekarang ini, (maka) tiada pertambahan (sedangkan) kita nak pertambahan bagi ahli.

"Sebab itu, Ketua Wanita UMNO (Datuk Seri Rafidah Aziz) berpendapat bahawa janganlah cuma ambil orang yang muda ini untuk membuat satu lagi kumpulan dalam Wanita," katanya kepada para pemberita di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya mengenai pandangan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz yang meminta Puteri UMNO supaya jangan memancing ahli Pergerakan Wanita UMNO dalam usaha Puteri UMNO mencari ahli-ahlinya.

Dr. Mahathir turut menafikan bahawa Wanita UMNO memandang penubuhan Puteri UMNO sebagai ancaman kepada pergerakan itu.

Sebaliknya, kata beliau, pergerakan itu dapat menerima kewujudan Puteri UMNO sebagai salah satu cara untuk menambahkan ahli parti.

"Tidak, bukarancangan... Wanita UMNO terima Puteri UMNO," katanya.

Ketika diminta menyatakan kategori yang layak menyertai Puteri UMNO, beliau berkata, penyertaan dibuka kepada semua wanita muda yang berusia di bawah 35 tahun.

"Mereka yang berumur 35 tahun ke bawah, yang berpalajaran, bekerja (sama ada) keja dalam kilang dan lain-lain," katanya.